



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 DISEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 8 Disember 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,525 kes** (2,581,395 kes kumulatif, 96.6%);
- Kes baharu : **5,020 kes** (2,673,019 kes kumulatif);
- Kes import : **17 kes** (14 warganegara; 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,003 kes** [4,784 warganegara (95.6%); 219 bukan warganegara (4.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **428 kes** (359 kes disahkan COVID-19 ; 69 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **237 kes** (159 kes disahkan COVID-19 ; 78 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,005 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,760 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **245 kluster**.

Daripada **5,020 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **87 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,933 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM juga ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**); dan
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

8 Disember 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 7 DISEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.13
WP LABUAN	1.06
MELAKA	1.03
PULAU PINANG	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.01
PAHANG	1.00
WP KUALA LUMPUR	0.99
PERAK	0.98
SELANGOR	0.98
TERENGGANU	0.98
JOHOR	0.97
KEDAH	0.96
KELANTAN	0.95
SABAH	0.90
WP PUTRAJAYA	0.87
SARAWAK	0.71
MALAYSIA	0.99